
PROGRAM RAKAN SUNGAI IWK (IWK FRIENDS OF RIVER) PUPUK SEMANGAT CINTAKAN KEBERSIHAN SUNGAI

KLANG: Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) melancarkan Program dan logo Rakan Sungai (Friends Of River - FoR) di Sungai Air Hitam, Klang, Selangor dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan menjaga kebersihan sungai dan tidak mencemarkan kualiti air sungai yang menjadi salah satu sumber air negara.

Program Rakan Sungai IWK ini telahpun bermula sejak awal tahun dengan membabitkan 21 buah sungai, yang turut mendapat kerjasama daripada penduduk setempat, wakil-wakil rakyat, pertubuhan bukan kerajaan, wakil-wakil jabatan Kerajaan dan pelajar institut pengajian tinggi.

Pelancaran hari ini telah disempurnakan oleh Encik Shahrul Adnan, wakil Ahli Dewan Undangan Negeri. Turut hadir adalah Dr Ching Too, Setiausaha Bahagian Kanan Sektoe Air dan Pembetulan KATS; Dr Henry Chan, Pengarah Konservasi WWF-Malaysia; Tuan Haji Hashim bin Mat Piah dan Puspavali A/P Mahalinggam, Ahli-ahli Majlis Perbandaran Klang dan Ustaz Mohd Faizal Othman, Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Arista.

Program yang dianjurkan dengan kerjasama rakan strategik setempat iaitu Persatuan Pangsapuri Arista Bandar Parklands ini, telah pun bermula dengan beberapa siri gotong-royong yang diadakan di sungai berkenaan.

Menurut Encik Faizal Othman, Ketua Pegawai Eksekutif IWK, syarikat pembentungan nasional ini telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan salah satu program tanggungjawab sosial korporatnya melalui 21 buah pejabat cawangan IWK di seluruh Negara.

“Kakitangan IWK di seluruh pejabat cawangan kami telah mengenalpasti 21 buah sungai berserta komuniti setempat bagi mengadakan program-program seperti gotong-royong membersihkan sungai, mewujudkan kemudahan-kemudahan rekreasi serta pusat informasi bagi menggalakan orang ramai memahami tanggungjawab bersama untuk memelihara sungai kita. Pada masa yang sama, kita juga harap orang ramai akan lebih memahami peranan IWK dalam merawat air sisa kumbahan di loji-loji IWK terutama bagaimana ianya menjadi air bersih dan dilepaskan kembali ke perairan dan sungai-sungai kita” ujar Faizal.

Tetamu jemputan bersama pihak pengurusan IWK turut menanam beberapa batang pokok di kawasan sungai dan menggunakan bi-produk proses rawatan air kumbahan iaitu biopepejal yang terbukti mampu meningkatkan kesuburan tumbuhan.

Orang ramai digalakkan untuk turut serta dalam program ini dengan melakukan aktiviti mingguan seperti membersihkan dan menjaga kualiti air sungai. Bagi mereka yang ingin mendapat maklumat terkini mengenai program ini, boleh layari laman sosial Facebook "IWK's Friends of Rivers".

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat, Indah Water Konsortium

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Wan Esuriyanti Wan Ahmad** di talian **012-271 8095** atau **Shahrul Nizam Sulaiman** di talian **016-207 3727** atau e-mel kepada esuriyanti@iwk.com.my atau sharuls@iwk.com.my

MENGENAI KAMI

Indah Water Konsortium Sdn Bhd ('IWK') ialah sebuah syarikat perkhidmatan pebetungan nasional milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pebetungan untuk 24.8 juta pengguna. Tumpuan utama syarikat adalah pengendalian operasi dan penyelenggaraan 6,697 buah loji olahan awam, 19,320 km panjang rangkaian paip pebetungan bawah tanah. IWK mempunyai modal insan dalam pelbagai bidang, kepakaran teknikal, proses olahan, aset strategik, sistem dan peralatan. Kepakaran lain IWK ialah perancangan dan kejuruteraan, perakuan pembangunan sistem pebetungan, proses reka bentuk, penilaian persekitaran, audit teknikal, kajian bahaya dan kebolegunaan serta khidmat runding pengurusan projek. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.iwk.com.my